

Profil Jawatan Kosong

Agensi	: Pejabat Majlis Islam Sarawak
Nombor Rujukan	: GAMIS/PATMA/01D/2024
Tarikh Iklan Dibuka	: 25 Mac 2024
Tarikh Tutup Iklan	: 12 April 2024
Jawatan	: Pegawai A (Guru Agama Majlis Islam Sarawak)
Taraf Jawatan	: Tetap
Kekosongan	: 1
Stesen	: Sekolah Menengah Kebangsaan Pesantren Abdul Taib Mahmud
Jadual Gaji	: Gaji Minimum: RM2,691.00 Gaji Maksimum: RM7,406.83

Syarat-syarat Lantikan:

Calon-calon bagi lantikan hendaklah warganegara Malaysia yang bermastautin di Sarawak dan berumur tidak kurang dari 21 tahun pada tarikh tutup iklan dan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

1. Beragama Islam;
2. Memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengajian Islam atau Pendidikan Islam atau Pengajian Bahasa Arab atau Takhassus Qiraat/ Tahfiz Wal Qiraat atau kelayakan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
Memiliki Diploma Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan adalah satu kelebihan;
3. Memiliki kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;

SERTA:

Kepujian dalam salah satu subjek Pendidikan Islam, Pendidikan Al-Quran dan As-Sunnah atau Pendidikan Syariah Islamiyah dan kepujian subjek Bahasa Arab Tinggi atau Bahasa Arab (Komunikasi).

Cara Memohon:

Calon yang berminat dan memenuhi syarat-syarat seperti di atas adalah dipelawa untuk mengemukakan **Borang Permohonan (boleh dimuat turun dari laman sesawang MIS). Curriculum Vitae (CV)** yang mengandungi butir-butir peribadi, kelayakan akademik, pengalaman kerja berserta **salinan sijil yang telah disahkan** dan sekeping gambar berukuran passport (tidak akan dikembalikan) **sebelum atau pada 12 April 2024 (Jumaat)** kepada:

**SETIAUSAHA
MAJLIS ISLAM SARAWAK
ARAS 16, MAJMA' TUANKU ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH
LORONG P.RAMLEE, OFF JALAN P.RAMLEE
93400 KUCHING, SARAWAK
(u.p.: UNIT SUMBER MANUSIA, MIS)**

Catatan Am:

- (i) Pemohon hendaklah menulis nama jawatan yang dimohon di sebelah kiri sampul surat.
- (ii) Hanya calon-calon yang layak selepas disenarai pendek sahaja yang akan dipanggil untuk temuduga.
- (iii) Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 3 bulan dari tarikh tutup adalah dianggap tidak berjaya.